

PERANAN AGAMA DALAM KEHIDUPAN BERDASARKAN PERSPEKTIF MAHASISWA

THE ROLE OF RELIGION IN LIFE FROM UNIVERSITY STUDENT'S PERSPECTIVE

Solahuddin Abdul Hamid¹

Azman Md Zain²

Ahmad Zamil Abd. Khalid³

¹Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia (UUM),
Email: solah@uum.edu.my

²Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia (UUM),
Email: manzain@uum.edu.my

³Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia (UUM),
Email: zamil@uum.edu.my

Article history

Received date : 19-9-2023

Revised date : 25-9-2023

Accepted date : 29-10-2023

Published date : 14-11-2023

To cite this document:

Abdul Hamid, S., Md Zain, A., & Abd. Khalid, A. Z. (2023). Peranan agama dalam kehidupan berdasarkan perspektif mahasiswa. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (57), 99 – 106.

Abstrak: Pendidikan adalah satu proses perubahan yang dikehendaki pada tingkah laku dan kehidupan manusia. Situasi tanpa sebarang perubahan adalah gambaran kegagalan sistem pendidikan yang diaplikasikan untuk mencapai maksud yang dituju. Perintah menuntut ilmu bukan sekadar mekanisme membangunkan sosio ekonomi masyarakat dan negara. Kemuncak menuntut ilmu adalah memenuhi keperluan spiritual dan meraih kesejahteraan dalam hidup. Objektif kajian ini mengenalpasti pandangan para mahasiswa mengenai peranan agama dalam kehidupan mereka serta peranan agama dalam pembangunan. Item soalan terbuka diedarkan secara online kepada sampel kajian yang terdiri daripada 240 orang pelajar Universiti Utara Malaysia daripada pelbagai bidang pengajian. Dapatan kajian mendapati, maklumbalas yang diberikan adalah selari dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) untuk melahirkan manusia yang bersifat holistik iaitu seimbang dan harmonis dari semua aspek fitrah sebagai manusia. Sistem pendidikan yang bersepadu tersebut adalah penting kerana ia akan menjadi nilai dan falsafah hidup seseorang bagi membentuk dengan sikap dan cara bekerja.

Kata kunci: Agama dan pembangunan, Pendidikan holistik, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)

Abstract: Education can be defined as a transformative process aimed at facilitating desired changes in human behavior and overall quality of life. A static state devoid of any alteration serves as an indication of the education system's inability to fulfill its intended objectives. The imperative to pursue knowledge extends beyond its role as a means to foster societal and national socio-economic advancement. The ultimate pursuit of knowledge is the fulfillment of spiritual requirements and the achievement of overall well-being in one's existence. The primary aim of this research is to ascertain the perspectives of students regarding the

significance of religion in their personal life, as well as its impact on societal progress. Online, open-ended questionnaires were issued to a sample of 240 students from Universiti Utara Malaysia, representing several academic disciplines. The study's results indicate that the feedback provided aligns with the objective of the National Education Philosophy (FPK) to cultivate individuals who possess holistic qualities, characterized by a well-rounded and harmonious development across all dimensions of human nature. The significance of the integrated education system lies in its ability to form an individual's values, philosophy, attitudes, and work ethic, hence exerting a profound influence on their life trajectory

Keywords: *religion and life, holistic education, National Education Philosophy*

Pengenalan

Mahasiswa adalah pelapis kepada kepemimpinan masa hadapan. Mereka bukan sahaja bertanggungjawab dalam menentukan hala tuju pentadbiran negara, malahan perlu berusaha mengekalkan kestabilan dan keharmonian yang telah dicapai oleh negara sehingga kini. Selari dengan hasrat tersebut, sistem pendidikan yang diamalkan seharusnya berkeupayaan melahirkan graduan yang berilmu, berdaya saing dan bersifat holistik. Graduan yang dilahirkan juga seharusnya disepadukan antara akademik, ketrampilan dan profesionalisme dengan nilai-nilai kerohanian dan jati diri supaya mereka bukan sahaja berkemampuan membangunkan negara, tetapi peka dengan nilai agama dan peranan manusia sebagai hamba dan khalifah. Manusia adalah makhluk dualistik yang memikul tanggungjawab besar untuk mengimbangi kehidupannya supaya tidak terjerumus ke dalam asetisisme mutlak atau materialisme sepenuhnya. Sebagai khalifah (surah *al-Baqarah* (2):30) manusia berhak menggunakan kekuatan akal dan fizikalnya untuk membangun dan memajukan dunia ini hingga ke peringkat semaksima mungkin manakala sebagai hamba (surah *al-Zhariyat* (51):56), kebebasan bertindak adalah terhad dan tertakluk kepada sempadan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Sistem pendidikan yang lebih berorientasikan peperiksaan berbanding pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar adalah suatu yang tidak baik untuk pembangunan ketamadunan sesebuah masyarakat. Pembangunan kerohanian dan sosio ekonomi masyarakat yang bergerak secara bersepadu adalah bagi memastikan kehidupan manusia sentiasa berada dan menuju ke arah landasan yang betul dalam merealisasikan dualistik peranannya sebagai hamba dan khalifah Allah S.W.T.

Permasalahan Kajian dan Ulasan Karya

Usaha pembangunan bukan sahaja dibenarkan dalam Islam, malah terdapat pelbagai galakan yang kuat supaya mengeksploitasi pelbagai sumber sebagai usaha membasmi kemiskinan dan meningkatkan pendapatan dan kekayaan (Lihat antaranya surah *al-Jumu'ah* (62):10, *al-Qasas* (28):77, *al-Baqarah* (2):22, *al-Nahl* (16):5-8, 10-16, 68-69, 81, *al-Hijr* (15):20, 22, *Taha* (20):54, *Yasin* (36):72-73, *al-Hadid* (57):27 dan *al-Mulk* (67):15). Aktiviti pembangunan juga adalah suatu kepentingan bagi agama memandangkan kerohanian sesebuah agama tidak akan wujud dengan sempurna tanpa diiringi tindakan ekonomi.

Dalam konteks ekonomi, Muhammad Abdul Manan (1980) mendefinisikan pembangunan sebagai satu proses di mana penduduk sesebuah negara atau wilayah menggunakan pelbagai sumber yang sedia ada untuk menghasilkan pertambahan dalam pengeluaran barangan dan perkhidmatan per-kapita secara berterusan. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1995) menekankan bahawa sebarang perubahan, pembangunan dan kemajuan dalam ertikata yang sebenar seharusnya merujuk kepada pergerakan secara sedar dan terancang ke arah

penghayatan agama yang lebih murni secara syumul. Pandangan tersebut selari dengan Isma'il Raji al-Faruqi (1992) yang menjelaskan, kesepaduan yang wujud merupakan tenaga penggerak dalaman utama yang mencetus dan menggerakkan kesatuan potensi mental dan fizikal manusia ke arah melaksanakan seluruh perintah Allah S.W.T dalam kehidupannya yang merangkumi soal pembinaan diri, masyarakat dan negara. Muhammad Faruq al-Nabhan (1986) merumuskan pembangunan ekonomi dalam Islam didominasi oleh tiga faktor utama iaitu akidah, Syariat dan akhlak. Daripada ketiga-tiga teras ini, lahir nilai-nilai seperti *rabbaniyyah*, *insaniyyah*, *akhlaqiyyah* dan *wasatiyyah* yang bukan sahaja membataskan tujuan ekonomi, malahan turut mendorong segala urusan manusia berdasarkan tasawur Islam. Nilai *rabbaniyyah* akan menghasilkan seluruh kegiatan ekonomi berlandaskan dasar serta matlamat ketuhanan dengan mengelak mencari rezeki daripada sumber yang haram atau mengembangkan serta menggunakan semula hasil pendapatan tersebut dengan cara yang haram. Nilai *insaniyyah* adalah manifestasi perlaksanaan nilai ketuhanan yang memuliakan manusia sebagai khalifah di muka bumi. Justeru, pengabdian diri kepada Allah S.W.T merupakan bahagian paling asas dalam fitrah kejadian manusia melalui penghayatan ajaran-ajaran ketuhanan itu dalam konteks kehidupan seharian. Penghayatan tersebut memerlukan pemindahan daripada konteks teori kepada praktikal sehingga manusia mampu menjalankan kewajipannya terhadap Allah S.W.T, diri, keluarga, manusia dan alam keseluruhannya. Nilai *akhlaqiyyah* menetapkan kesepaduan antara ekonomi dan akhlak dalam seluruh kegiatan ekonomi bermula daripada pengumpulan, pengeluaran dan pengedaran sehingga kepada penggunaan. *Wasatiyyah* adalah nilai kemuncak yang bertindak sebagai jiwa sistem ekonomi Islam. Meskipun ia tidak nampak atau dirasakan tetapi padanya terletak rahsia keistimewaan dan kemuliaan diri manusia. Mengorbankan nilai-nilai keutamaan yang diseru oleh agama tidak dibenarkan sama sekali oleh Islam dalam seluruh aktiviti kehidupan manusia (al-Qaradhawi, 2001).

Pembangunan negara tidak dapat dicapai dengan sempurna serta berkekalan sekiranya proses pendidikan tidak dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Pendidikan adalah suatu proses dan aktiviti yang membawa perubahan kepada seseorang mengikut norma dan nilai sesebuah masyarakat. Justeru, pendidikan merupakan suatu proses untuk mendidik, melatih atau membentuk keperibadian individu dari segi jasmani, akal, perasaan dan kecenderungan supaya dapat menyesuaikan diri dengan situasi masyarakat dan kebudayaan bagi mencapai kebahagiaan hidup. Pemisahan ilmu ekonomi daripada agama adalah tidak mungkin, sama seperti tidak mungkin memisahkan manusia daripada rohnya. Seruan menuntut ilmu bukan sekadar untuk mengetahui mekanisme menguasai komoditi sosioekonomi, malahan sebagai memenuhi keperluan spiritual serta memastikan tiada pelanggaran terhadap sempadan yang telah ditetapkan oleh Syariah.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menggariskan bahawa pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara (<http://www.moe.gov.my/my/falsafah-pendidikan-kebangsaan>). Berdasarkan kepada takrifan FPK tersebut, matlamat pendidikan adalah untuk melahirkan manusia yang bersifat holistik iaitu seimbang dan harmonis dari semua aspek fitrah sebagai manusia. Terdapat gabungan unsur-unsur penting yang dapat memanifestasikan pembangunan insan iaitu membangunkan intelek, membangunkan rohani dan emosi serta membangunkan jasmani. Kesepaduan keempat-

empat elemen ini berkeupayaan membangunkan insan agar secara seimbang dalam konteks material dan spiritual. Dalam erti kata lain, pendidikan adalah asas kepada pembangunan insan bagi membentuk dan mendidik manusia secara seimbang dan holistik. Ia merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani, fizikal, intelektual dan sosial untuk kepentingan duniawi dan ukhrawi. Proses membangunkan manusia ini memerlukan satu usaha yang konsisten dan berterusan agar tidak berlaku kepincangan dalam mana-mana peringkat pelaksanaannya. Usaha pembangunan insan ini merupakan satu usaha pendidikan yang paling utama. Ia bertujuan untuk melahirkan manusia yang berkeupayaan membangunkan seluruh potensi diri dan setiap bakat serta kebolehan yang tersembunyi di dalam diri seseorang. Keupayaan untuk melakukan penyelongkaran dan pembangunan serta pembinaan insan yang seumpama ini akan membantu melahirkan sekali gus menzahirkan diri insan itu seutuhnya atau insan yang paling sempurna (Saharia Hj. Ismail, 2015).

Noor Hisham Md Nawi (2012) menyatakan krisis dualisme dan sekularisme masih mengancam sistem pendidikan di Malaysia. Para pendidik yang menyedari tentang realiti ilmu moden masih bergelut dengan realiti pergolakan antara ilmu naqli dan aqli. Kegagalan memahami konsep tersebut menyebabkan pelajar yang dihasilkan gagal untuk mendapatkan pengalaman pembelajaran yang berjaya menyepadukan hati dan pemikiran serta iman dan daya intelektual (Siti Amrah Ahmad, 2016). Tajul Ariffin Noordin (1993) mengingatkan bahawa ketidakseimbangan elemen-elemen ini akan membawa kepada golongan manusia yang pelbagai. Sebaliknya, pendidikan yang hendak dihasilkan melalui FPK ialah satu golongan manusia sahaja iaitu manusia yang bergelar insan terangkum padanya nilai-nilai murni sama ada aspek rohani, emosi, jasmani dan pemikirannya. Ke semua elemen inilah yang menjadikan manusia itu sebaik-baik kejadian (*ahsanu al-taqwim*). Bangsa yang kuat serta mulia tidak hanya bergantung pada kekuatan fizikal yang bercorak kebendaan dan teknologi. Dengan ini dapatlah difahami bahawa manusia yang berjaya bukan sahaja mereka yang cemerlang pada satu- satu aspek sahaja malahan istilah berjaya sebenar diukur pada kualiti rohaninya. Hakikat ini turut menjadi perbincangan penting dalam *The Toynbee-Ikeda Dialogue* (1982). Toynbee yang merupakan ilmuan Barat beragama Kristian telah menyatakan bahawa tamadun sesuatu bangsa adalah manifestasi daripada agamanya. Menurut beliau lagi, agama adalah sumber dinamika hidup yang mampu membangun sesuatu tamadun, manakala daya tahan sesuatu bangsa dan tamadunnya adalah sangat bergantung kepada penghayatan nilai-nilai agamanya. Kejatuhan bangsa dan keruntuhan tamadun seringkali berpunca daripada kelesuan nilai-nilai agamanya. Contohnya, kejatuhan China sejak Perang Candu dan keruntuhan tamadun Yunani-Romawi. Sementara itu Ikeda, ilmuan Jepun yang beragama Buddha pula berkeyakinan bahawa tamadun-tamadun besar yang menghasilkan tinggalan-tinggalan monumental seperti piramid, kuil-kuil Maya, Aztec, Inca, Borobodur dan sebagainya itu turut didasari oleh tujuan-tujuan keagamaan.

Pengkaji beranggapan bahawa sebelum melihat ketrampilan pelajar dengan personaliti kepimpinan dan berkompentensi, seharusnya perlu diterapkan elemen-elemen jati diri terutamanya nilai-nilai agama supaya pemimpin yang dilahirkan adalah seimbang antara fizikal dan spiritual yang juga merupakan jati diri kepada mereka. Meskipun tidak bersifat komersil, peranan nilai agama adalah penting dalam usaha membentuk disiplin bagi mencapai dan mengekalkan pembangunan tersebut. Justeru, kajian ini adalah untuk mengenalpasti pandangan mahasiswa terhadap peranan agama dalam kehidupan mereka. Pengkaji juga menganalisis pandangan mahasiswa terhadap kedudukan agama sama ada sebagai pendorong atau penghalang dalam pembangunan masyarakat dan negara

Metodologi Kajian

Memandangkan peranan agama dalam Islam merupakan satu konsep yang sangat luas, skop kajian ini terbatas kepada pemahaman, personaliti dan tingkah laku mahasiswa dalam konteks kehidupan beragama mereka sahaja. Rekabentuk kajian ini menggunakan kajian kualitatif. Pengumpulan data dilakukan melalui penyediaan dua item soalan forum melalui laman web *UUM Online Learning*. Item soalan pertama adalah mengenai adakah agama mempunyai peranan atau tidak dalam kehidupan manusia. Item soalan yang kedua adalah untuk mendapatkan pandangan mahasiswa berkaitan adakah agama sebagai pendorong atau penghalang kepada kemajuan sesebuah tamadun. Kedua-dua item soalan terbuka tersebut perlu dijawab oleh para pelajar berdasarkan pandangan peribadi sahaja tanpa dipengaruhi oleh sesiapa. Sampel kajian melibatkan mahasiswa dari kalangan pelajar yang mengambil kursus *Hubungan Etnik* (SADN1043) dari semua pusat pengajian di Universiti Utara Malaysia. Namun, skop pemilihan sampel hanya melibatkan tiga kaum utama disemenanjung sahaja iaitu Melayu, Cina dan India.

Dapatan, Perbincangan dan Cadangan

Seramai 240 orang mahasiswa orang telah menjawab soalan yang dikemukakan. Jadual 1 berikut menunjukkan maklumat deskriptif personaliti responden yang terlibat dalam kajian ini. Berikut adalah demografi sosial responden kajian ini.

Jadual 1: Maklumat Deskriptif Personaliti Responden

Kategori	Kekerapan (n=240)	Peratus (100%)
Jantina		
Lelaki	102	42.5
Perempuan	138	57.5
Bangsa		
Melayu	161	67.1
Cina	63	26.3
India	16	6.6

Pandangan Mahasiswa Terhadap Peranan Agama Dalam Kehidupan

Berikut adalah maklumbalas para pelajar terhadap item soalan berkaitan pandangan mereka terhadap peranan agama dalam kehidupan manusia. Dapatan kajian mendapati semua pelajar (100%) menyatakan agama mempunyai peranan dalam kehidupan manusia. Pengkaji telah membahagikan alasan yang diberikan kepada 3 komponen iaitu kepercayaan, amalan dan kesan atau kesudahan dalam kehidupan beragama seperti dalam jadual 2 berikut:

Jadual 2: Alasan Agama Mempunyai Peranan Dalam Kehidupan Manusia

Kepercayaan	Amalan	Kesudahan Beragama
fitrah semula jadi sebahagian daripada kehidupan setiap manusia panduan, bimbingan dan pegangan hidup asas pembentukan etika dan moral hidup tanpa agama pasti akan goyah	proses pembinaan sifat dan diri asas dalam pembentukan tamadun dan peradaban manusia cara yang baik untuk mengajar perkara-perkara yang baik. Menilai tingkah laku manusia	kualiti hidup menjadi sempurna dan sejahtera menyelaraskan kehidupan di dunia dan akhirat membentuk saksiah individu dan masyarakat yang baik menghalang manusia untuk melakukan sesuatu yang menyalahi hukum

Agama sebagai <i>al-din</i> (cara hidup)	rujukan dalam menjalani kehidupan	membentuk jati diri
Agama merupakan identiti atau lambang keperibadian	memberi sokongan rohani kepada manusia	menjadi seorang yang berilmu dan berdisiplin
Kehidupan menjadi lengkap		saling sayang menyanyangi

Berdasarkan alasan yang dikemukakan, boleh diandaikan bahawa responden berpandangan agama merupakan sebagai sumber nilai moral bagi kehidupan manusia. Justeru, mereka perlu beragama untuk mencapai kehidupan yang lebih baik dan sejahtera.

Pandangan Mahasiswa Terhadap Hubungan Antara Agama dan Pembangunan

Selari dengan skor kepentingan peranan agama dalam kehidupan, semua responden (100%) memilih agama sebagai pendorong kepada pembangunan. Pengkaji telah membahagikan alasan yang diberikan kepada 3 komponen iaitu keyakinan, proses dan hasil seperti dalam jadual 3 berikut:

Jadual 3: Alasan Agama Sebagai Pendorong Kepada Pembangunan

Keyakinan	Proses	Hasil
Islam sebagai <i>al-Din</i> faktor penentu membentuk pandangan semesta serta tingkah laku mendorong dan membimbing kepada kebaikan dan menolak keburukan sumber kekuatan dan keselamatan setiap agama mempunyai ketamadunan dan peradaban sendiri setiap agama mengajar untuk memajukan negara supaya setiap masyarakat boleh hidup dalam keadaan yang selesa dan maju agama dan tamadun merupakan perkara yang sinonim sumber inspirasi untuk melakukan sesuatu kebaikan	sebagai panduan dan sempadan asas dalam pembentukan tamadun menyelaraskan kehidupan dunia dan akhirat mendidik untuk berusaha dan beranian mencuba membangun ikatan sosial dan menyatukan masyarakat tanpa agama keburukan akan berlaku sewenang-wenangnya rasa kebergantungan kepada tuhan dan agama menyebabkan manusia berilmu dan mempunyai pengetahuan yang luas tanpa agama manusia tiada hala tuju Institusi agama sebagai tarikan pelancongan dan menjana ekonomi adanya agama manusia akan bersatu sebagai pedoman hidup dan kayu ukur yang mengatur tingkah laku	masyarakat bersahsiah tinggi adalah ciri-ciri sesebuah tamadun memajukan negara dengan sempurna serta ketinggian budaya mencetus perpaduan negara maju tidak akan bererti jika warganegaranya tidak beragama tanpa agama tidak wujud pembangunan tamadun-tamadun yang hebat terdahulu.

Berdasarkan alasan yang dikemukakan, boleh diandaikan responden memahami bahawa pertumbuhan dan perkembangan tamadun kuno adalah dipengaruhi oleh agama. Kepercayaan

dan amalan rohani mendorong manusia untuk meningkatkan kualiti kehidupan dan menghayati nilai-nilai murni sehingga membawa kepada pembangunan. Tanpa pegangan agama, kehidupan manusia akan menjadi porak peranda dan berpecah belah manakala tamadun yang dibina akan runtuh.

Perbincangan dan Cadangan

Berdasarkan skor yang diperolehi dan alasan-alasan yang dikemukakan, para pelajar yang menjadi responden kajian ini berpersonaliti selari dengan matlamat FPK untuk melahirkan manusia yang bersifat holistik iaitu seimbang dan harmonis dari semua aspek fitrah sebagai manusia. Kerja keras dalam aktiviti pembangunan perlu diiringi dengan ilmu serta panduan agama sebagai satu sistem yang memerintah, mengawal dan mengendalikan tingkah laku manusia dalam memenuhi keinginan mereka yang pelbagai dan tidak terbatas. Pengkaji mengandaikan bahawa kesedaran beragama tersebut adalah hasil daripada proses pembelajaran yang mereka lalui ketika mengambil kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) pada semester sebelumnya. Dalam kandungan kursus tersebut ada dinyatakan perkembangan tamadun Islam, tamadun Melayu, tamadun India, tamadun China mempunyai hubungan yang signifikan dengan faktor agama. Perkembangan setiap tamadun adalah hasil daripada dorongan yang dianuti oleh masyarakatnya.

Justeru, kajian ini ingin mencadangkan bahawa:

- i. Para pensyarah perlu merangka proses pengajaran dan pembelajaran yang mampu menerapkan elemen intelek, rohani, emosi dan jasmani dalam kalangan mahasiswa.
- ii. Pihak universiti perlu memantapkan dan memperluaskan lagi program pengajian dan kursus yang bersifat holistik selari dengan kepercayaan dan budaya masyarakat tempatan.
- iii. Kursus TITAS perlu dikembalikan semula kerana para pelajar bukan sahaja didedahkan tamadun kaum utama di Malaysia, malahan secara tidak langsung dapat memupuk kefahaman dan pengalaman kerohanian kepada mereka. Budaya timur yang menjadi teras kepada keharmonian dan peradaban masyarakat tidak terasing daripada agama dan budaya.

Rumusan

Pendidikan seharusnya adalah satu usaha yang berterusan dan bersepadu bagi mengukuhkan dan meningkatkan potensi serta jati diri individu secara holistik. Keseimbangan dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek berupaya membangunkan semua potensi manusia secara menyeluruh merangkumi potensi akal, jasmani atau tingkah laku dan moral. Kesemua potensi ini berkembang dalam kehidupan manusia bermula sejak dilahirkan. Mahasiswa adalah sebahagian daripada masyarakat dan masyarakat juga adalah sebahagian daripada mereka. Keperibadian mahasiswa semasa adalah gambaran kepada barisan kepemimpinan masyarakat dan negara pada masa hadapan. Negara memang memerlukan pemimpin masa depan yang berintelektual, berani, bertanggungjawab dan menjaga kebajikan rakyat. Namun, pelbagai elemen tersebut perlu disepadukan dengan nilai-nilai agama supaya hala tuju pemikiran dan tingkah laku mereka lebih jelas dan terfokus selari dengan peranan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah S.W.T. Penghayatan agama seharusnya menjadi antara mekanisme utama dalam meningkatkan prestasi manusia dalam aktiviti pembangunan memandangkan ia merupakan motivasi dalaman yang diyakini dapat memberikan impak yang tersendiri serta sangat menarik dan relevan untuk memenuhi pelbagai kerumitan pengalaman manusia. Pembangunan yang membawa kepada lahirnya golongan manusia yang derhaka kepada Allah S.W.T, maka status mereka sebagai khalifah dan penguasa di bumi jatuh dengan segera, malahan terus bertukar menjadi hamba kepada pembangunan. Justeru, bakal graduan yang dilahirkan adalah bersepadu sifatnya. Kejayaan negara memiliki pembangunan yang pesat serta bangunan pencakar langit

tidak akan membawa keuntungan jika masyarakat muflis dalam elemen kerohanian, moral dan kemanusiaan.

Rujukan

- Abulhassan Muhammad Sadeq. (1991). *Economic Development in Islam*, c. 2. Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Bellah, R. N. (1957). *Tokugawa Religion, The Values of Pre-Industrial Japan*. Illinois: The Free Press.
- Toynbee, Arnold dan Ikeda, Daisaku. (1982). *The Toynbee-Ikeda Dialogue, Man Himself Must Choose*, Tokyo: Kodansha International Ltd.
- al-Faruqi, Isma'il Raji. (1992). *al-Tawhid: Its Implications for Thought and Life*, c. 2. Virginia, U.S.A.: International Institute.
- al-Huzaymah, Muhammad 'Awad. (1991). *al-Nuzum al-Islamiyyah*. c.1, Jordan: Dar al-'Umar.
- Ibn Khaldun. (t.t.). *al-Muqaddimah*, Kaherah: Dar al-Sha'b.
- Muhammad Abdul Manan. (1980). *Islamic Economics: Theory and Practice*, Delhi: Idarah-I Adabiyat-I Delli.
- al-Nabhan, Muhammad Faruq. (1986). *Abhath fi al-Iqtisad al-Islam*. c. 1. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Nazihah Kamarudin, Fauziah Ibrahim & Nur Saadah Mohamad Aun. (2019). Tingkah Laku Beretika dan Keupayaan Kepimpinan Dalam Kalangan Mahasiswa Tahun Akhir Program Kerja Sosial. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol.16.no. 6, pp:1-13.
- al-Qaradawi, Yusuf. (1972). *al-Halal wa-al-Haram fi al-Islam*, c. 6. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. (2001). *Dawr al-Qiyam wa-al-Akhlaq fi al-Iqtisad al-Islami*, c. 2. Kaherah: Maktabah Wahbab.
- Saharia Hj. Ismail. (2015). Pembangunan Insan Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, *Journal of Human Capital Development* Vol. 8 No. 2 July- December 2015.
- Siddiqi, Muhammad Nejatullah. (2000). *The Economic Enterprise in Islam*, Lahore: Islamic Publications Ltd.
- Solahuddin Abdul Hamid. (2014). *Melestarikan Pembangunan Budaya Usahawan Secara Holistik Bagi Melahirkan Graduan Berkompetensi*,
https://www.academia.edu/8835897/MELESTARIKAN_PEMBANGUNAN_BUDAYA_USAHAWAN_SECARA_HOLISTIK_BAGI_MELAHIRKAN_GRADUAN_BERKOMPE_TENSI, akses pada 24 November 2016.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1995). *Prolegomeno to the Metaphysics of Islam*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization
- Tajul Ariffin Noordin. (1993). *Perspektif Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.